



INTERNATIONAL JOURNAL OF
HUMANITIES, PHILOSOPHY
AND LANGUAGE
(IJHPL)
www.ijhpl.com



**LITERASI DAN DAYA TAHAN KEWANGAN DALAM
KALANGAN PELAJAR IPT: IMPLIKASI TERHADAP
KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA**

*FINANCIAL LITERACY AND RESILIENCE AMONG HEI STUDENTS:
IMPLICATIONS FOR WELL-BEING AND HUMAN DEVELOPMENT*

Suraini Saufi^{1*}, Wan Nadiyah Wan Mohd Nasir², Hallieyana Sha'ari³, Mujiburrahman Muhammad Saleh⁴

¹ Faculty of Management and Human Development, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, Kelantan, Malaysia.

Email: suraini@kias.edu.my

² Faculty of Shariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, Kelantan, Malaysia.

Email: nadiyah@kias.edu.my

³ Faculty of Shariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, Kelantan, Malaysia.

Email: hallieyana@kias.edu.my

⁴ Faculty of Shariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, Kelantan, Malaysia.

Email: mujiburrahman@kias.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 09.02.2025

Revised date: 25.02.2025

Accepted date: 20.03.2025

Published date: 30.03.2025

To cite this document:

Saufi, S., Wan Mohd Nasir, W. N., Sha'ari, H., & Muhammad Saleh, M. (2025). Literasi dan Daya Tahan Kewangan Dalam Kalangan Pelajar IPT: Implikasi Terhadap Kesejahteraan Dan Pembangunan Manusia. *International Journal of*

Abstract:

Literasi kewangan memainkan peranan penting dalam pembangunan manusia, khususnya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT). Kajian menunjukkan bahawa tahap literasi dan amalan kewangan pelajar IPT adalah tinggi, namun cabaran masih wujud dalam memastikan kestabilan kewangan mereka dalam jangka panjang. Peralihan daripada kehidupan sebagai pelajar kepada alam pekerjaan, peningkatan kos sara hidup, serta pengaruh sosial dan psikologi merupakan faktor yang boleh mempengaruhi daya tahan kewangan individu. Oleh itu, kertas konsep ini membincangkan hubungan antara literasi kewangan dan pembangunan manusia serta cabaran yang dihadapi dalam mengukuhkan pengurusan kewangan pelajar IPT. Perbincangan ini juga menekankan keperluan untuk penyelidikan lanjutan bagi meneroka strategi kewangan yang lebih mampan dalam kalangan pelajar. Hasil dapatan ini dapat menjadi asas rujukan bagi pembangunan modul pendidikan kewangan dan inisiatif sokongan yang lebih berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan pelajar IPT dalam jangka panjang.

Humanities, Philosophy and Language, 8 (29), 84-94.

DOI: 10.35631/IJHPL.829007

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

**Kata Kunci:**

Literasi, Pendidikan, Kewangan, Pelajar, Daya Tahan

Abstract:

Financial literacy plays a crucial role in human development, particularly among higher education institution (HEI) students. Studies indicate that HEI students possess a high level of financial literacy and financial management practices; however, challenges remain in ensuring their long-term financial stability. The transition from student life to employment, rising living costs, and social and psychological influences are factors that may impact an individual's financial resilience. Therefore, this conceptual paper explores the relationship between financial literacy and human development, as well as the challenges in strengthening financial management among HEI students. This discussion also highlights the need for further research to examine more sustainable financial strategies among students. The findings of this study serve as a reference for the development of more comprehensive financial education modules and support initiatives to enhance the long-term financial well-being of HEI students.

Keywords:

Literacy, Education, Finance, Student, Resilience

Pendahuluan

Kehidupan dalam dunia pendidikan tinggi merupakan satu fasa penting dalam kehidupan pelajar yang bukan sahaja membentuk ilmu akademik tetapi juga kemahiran hidup yang diperlukan untuk masa depan. Namun, salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar IPT adalah tekanan kewangan. Ketidakstabilan kewangan dalam kalangan pelajar IPT semakin membimbangkan, terutama selepas pandemik COVID-19 yang meningkatkan beban kewangan akibat peralihan kepada pembelajaran digital. Keperluan memiliki peranti elektronik, langganan internet dan kos sara hidup yang tinggi menyebabkan ramai pelajar mengalami kesukaran untuk menguruskan perbelanjaan mereka dengan berkesan.

Terdapat beberapa isu berkaitan dengan literasi dan daya tahan kewangan dalam kalangan pelajar IPT. Isu ini boleh dilihat melalui beberapa kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Kajian menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan pelajar masih berada pada tahap sederhana, menyebabkan ramai dalam kalangan mereka gagal membezakan antara keperluan dan kehendak serta kurang mahir dalam merancang bajet atau mengurus hutang (Zaimah et al., 2021). Mereka juga tidak mempunyai simpanan kecemasan yang mencukupi, menjadikan mereka terdedah kepada tekanan kewangan apabila berhadapan dengan situasi tidak dijangka seperti kecemasan kesihatan atau kerosakan peralatan pembelajaran (Mohamad, 2024). Tambahan pula, pengaruh media sosial telah membentuk gaya hidup mewah dalam kalangan pelajar yang mendorong mereka untuk berbelanja secara impulsif demi menyesuaikan diri dengan norma sosial semasa yang sering kali tidak mencerminkan kemampuan kewangan sebenar (Salleh et al., 2022). Isu ini diburukkan lagi dengan ketiadaan pendidikan kewangan formal dalam kebanyakan program pengajian tinggi, yang menyebabkan pelajar tidak mendapat pendedahan sistematik terhadap ilmu dan kemahiran pengurusan kewangan yang sepatutnya dikuasai sebelum melangkah ke alam pekerjaan (Rahim & Kamaruddin, 2023).

Situasi ini secara keseluruhan menjejaskan daya tahan kewangan pelajar dan boleh memberi kesan jangka panjang terhadap kestabilan kewangan individu serta masyarakat.

Justeru, literasi kewangan menjadi antara faktor penting dalam membantu pelajar mengurus kewangan dengan lebih bijak, mengelakkan hutang yang tidak perlu dan merancang kewangan mereka untuk jangka masa panjang. Artikel ini akan membincangkan konsep literasi kewangan, kepentingannya terhadap daya tahan ekonomi pelajar IPT, cabaran yang dihadapi dalam meningkatkan kesedaran kewangan, serta cadangan untuk memperkenalkan pendidikan kewangan dalam kurikulum universiti sebagai langkah strategik bagi memastikan pelajar lebih bersedia menghadapi realiti kewangan selepas tamat pengajian.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk kualitatif berbentuk kajian konsep (conceptual paper) yang bertujuan untuk menghuraikan hubungan antara literasi kewangan dan daya tahan kewangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) serta implikasinya terhadap pembangunan manusia. Data dan maklumat dikumpulkan melalui analisis kandungan terhadap pelbagai sumber sekunder, termasuk jurnal akademik, laporan penyelidikan terdahulu, dan dokumen polisi yang relevan. Pendekatan ini membolehkan penulis mengintegrasikan teori-teori literasi kewangan seperti Teori Tingkah Laku Berancang (TPB), Teori Pembelajaran Sosial, dan Teori Modal Insan untuk memahami corak tingkah laku kewangan pelajar dalam konteks cabaran ekonomi semasa. Perbincangan dalam kajian ini turut mengambil kira impak sosioekonomi dan psikologi terhadap pengurusan kewangan pelajar IPT serta mencadangkan strategi pendidikan kewangan yang lebih mampan sebagai solusi jangka panjang.

Konsep Literasi Kewangan Dalam Kalangan Pelajar IPT

Terdapat beberapa komponen utama dalam membincangkan konsep literasi kewangan iaitu i) pengurusan pendapatan dan perbelanjaan, ii) keperluan simpanan dan kestabilan kewangan jangka panjang, iii) pengurusan kredit dan hutang secara bertanggungjawab dan iv) kesedaran mengenai pelaburan, insurans/takaful dan perancangan persaraan.

Pengurusan Pendapatan dan Perbelanjaan.

Pengurusan pendapatan dan perbelanjaan adalah merujuk kepada keupayaan untuk mengawal perbelanjaan harian dan memastikan keseimbangan antara pendapatan dan keperluan asas (Finde & Ali, 2024; Abdollah, Rais, Nordin & Jaafar, 2021; Yusoff, Othman, Shah, Esa, Zulhazmi, Ibrahim & Ationg, 2021). Kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan dan sikap kewangan yang baik membantu seseorang membuat keputusan kewangan dengan lebih bijak. Mereka lebih sedar tentang cara mengurus wang dengan berhemah serta membelanjakan pendapatan untuk perkara yang bermanfaat, termasuk pelaburan dalam aset yang bernilai (Muhamad & Tambi, 2023). Tambahan lagi, Abdull Rahman et al.(2023) dan Rahman dan Othman (2021) menyatakan bahawa individu terutamanya usahawan yang mempunyai kemahiran pengurusan pendapatan yang baik lebih mampu menyesuaikan diri dengan cabaran kewangan dan mengelakkan kesukaran ekonomi. Maka, keseimbangan antara pendapatan dan perbelanjaan adalah sangat penting dalam memastikan kestabilan kewangan individu (Basri, Rashid, Nor & Rahman, 2024).

Keperluan Simpanan Dan Kestabilan Kewangan Jangka Panjang

Amalan menyimpan wang untuk kecemasan serta perancangan masa depan adalah sangat penting. Manfaatnya yang besar bukan hanya kepada isi rumah, malah faedahnya adalah

kepada seluruh negara kerana ianya menyediakan asas kepada pelaburan jangka panjang dan pembangunan infrastruktur yang menyumbang ke arah pertumbuhan negara. Menyimpan wang adalah amalan kewangan yang sangat penting bagi memastikan kestabilan hidup dalam jangka masa panjang. Simpanan kecemasan berperanan sebagai perlindungan kewangan apabila berdepan situasi tidak dijangka seperti kehilangan pekerjaan, kecemasan perubatan, atau kerosakan aset penting. Dengan adanya dana kecemasan, individu dapat mengelakkan tekanan kewangan yang berlebihan dan tidak perlu bergantung kepada pinjaman yang mungkin membebankan (Yakob et al., 2021).

Selain itu, perancangan kewangan yang baik melalui tabungan juga membolehkan seseorang merancang masa depan dengan lebih teratur. Simpanan jangka panjang dapat digunakan untuk mencapai matlamat tertentu seperti membeli rumah, melanjutkan pelajaran, atau persediaan menghadapi persaraan. Dengan mengamalkan disiplin menyimpan secara konsisten, seseorang bukan sahaja dapat menikmati kestabilan kewangan tetapi juga mempunyai kebebasan untuk membuat keputusan yang lebih baik tanpa tekanan kewangan yang berlebihan (Abdullah & Hussin, 2020).

Pengurusan Kredit Dan Hutang Secara Bertanggungjawab

Amalan pengurusan kewangan yang baik memerlukan pemahaman yang mendalam tentang penggunaan instrumen kewangan seperti kad kredit dan pinjaman pendidikan. Kad kredit, jika digunakan dengan berdisiplin, boleh menjadi alat kewangan yang membantu dalam pengurusan perbelanjaan dan membina sejarah kredit yang baik. Namun, jika disalahgunakan, ia boleh membawa kepada hutang yang sukar dilunaskan disebabkan kadar faedah yang tinggi serta amalan pembayaran minimum yang berpanjangan (Yusoff & Othman, 2021). Justeru itu, penting bagi pengguna untuk berbelanja mengikut kemampuan, menetapkan had perbelanjaan yang munasabah, dan membayar baki kad kredit sepenuhnya setiap bulan bagi mengelakkan caj faedah yang tinggi.

Selain itu, pinjaman pendidikan merupakan satu bentuk pelaburan jangka panjang bagi memastikan seseorang memperoleh kelayakan akademik dan kemahiran yang diperlukan untuk kerjaya masa depan. Walaupun pinjaman pendidikan menawarkan kadar faedah yang lebih rendah berbanding pinjaman peribadi, peminjam perlu merancang strategi pembayaran balik dengan baik bagi mengelakkan beban kewangan selepas tamat pengajian (Mangrum, 2022). Ini termasuk memahami syarat pinjaman, jumlah bayaran bulanan, serta tempoh pembayaran balik agar tidak menjejaskan kestabilan kewangan selepas memasuki alam pekerjaan.

Bagi mengelakkan bebanan hutang yang berlebihan, penting bagi individu untuk mengamalkan pengurusan kewangan yang berdisiplin dengan hanya berhutang untuk keperluan yang benar-benar penting. Menyediakan bajet bulanan yang jelas, mengawal perbelanjaan tidak perlu, dan mengutamakan pembayaran hutang yang mempunyai kadar faedah tinggi adalah langkah-langkah penting dalam mengurus kewangan dengan baik. Selain itu, menabung sejak awal untuk perbelanjaan besar seperti pendidikan atau kecemasan dapat mengurangkan kebergantungan kepada hutang. Dengan pemahaman dan perancangan yang baik, seseorang dapat mengelakkan perangkap kewangan yang boleh menjejaskan kestabilan hidup dalam jangka panjang (Azmi, Hasan, Duerama, Othman & Aripin, 2021).

Kesedaran Mengenai Pelaburan, Insurans/Takaful Dan Perancangan Persaraan.

Pemahaman dan kepekaan mengenai kepentingan aspek pelaburan, insurans atau takaful, serta perancangan persaraan menunjukkan literasi kewangan yang bijak. Ketiga-tiga elemen ini memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan kewangan jangka panjang serta memberikan perlindungan terhadap risiko yang tidak dijangka. Pelaburan merupakan salah satu cara utama untuk membina kekayaan dan memastikan pertumbuhan kewangan dalam jangka panjang. Dengan membuat pelaburan yang bijak, seseorang dapat menjana pendapatan pasif serta mengekalkan nilai kekayaan mereka. Pelaburan boleh dilakukan dalam pelbagai instrumen seperti saham, unit amanah, hartanah, dan emas. Walau bagaimanapun, setiap pelaburan mempunyai risiko tersendiri, maka penting untuk memahami profil risiko serta mempelbagaikan portfolio pelaburan bagi mengurangkan potensi kerugian (Ab Rashid, Arifin & Sabir Ahmad, 2023; Zainal, Ramli, Abd Karim., Amirnordin, Md Akhir & Tengku Sulaiman, 2021).

Selain daripada pelaburan, insurans atau takaful juga berfungsi sebagai perlindungan kewangan terhadap situasi tidak dijangka seperti penyakit kritikal, kemalangan, atau kematian (Mukshar, Puad & Ahmad, 2023; Sudiarti & Syahriza, 2023). Pemilikan perlindungan insurans atau takaful yang mencukupi dapat memastikan individu dan keluarga mereka dapat mengelakkan beban kewangan yang besar apabila menghadapi musibah. Insurans kesihatan, insurans hayat, dan takaful pendidikan adalah antara pelan perlindungan yang boleh membantu dalam memastikan kelangsungan hidup dan kesejahteraan keluarga (Pomeranz & Kast, 2024).

Perancangan persaraan juga merupakan aspek penting yang sering diabaikan. Ramai individu hanya mula memikirkan persaraan ketika sudah hampir kepada usia persaraan, sedangkan perancangan awal boleh memberikan kehidupan yang lebih selesa pada hari tua. Simpanan dalam akaun persaraan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan pelaburan dalam instrumen yang menawarkan pulangan stabil boleh membantu memastikan kecukupan dana selepas bersara (Wai, Teng, Waei & Leong, 2023; Zaimah, Yusof & Sarmila, 2023). Kesedaran terhadap pelaburan, insurans/takaful, dan perancangan persaraan perlu dipupuk sejak awal bagi memastikan kesejahteraan kewangan dalam jangka panjang. Dengan pengetahuan dan perancangan yang baik, seseorang dapat mencapai kebebasan kewangan serta menikmati kehidupan yang lebih terjamin pada masa hadapan.

Asas Teori (Theoretical Basis) Dalam Literasi Kewangan

Pelbagai teori boleh digunakan untuk memahami bagaimana literasi kewangan memberi impak terhadap tingkah laku kewangan pelajar IPT. Antara teori utama yang berkaitan adalah Teori Tingkah Laku Berancang (Theory of Planned Behavior, TPB), Teori Pembelajaran Sosial (Social Learning Theory) dan Teori Modal Insan (Human Capital Theory).

Teori Tingkah Laku Berancang (Theory of Planned Behavior, TPB) ini menyatakan bahawa tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan. Dalam konteks literasi kewangan, sikap terhadap kewangan, pengaruh sosial serta keupayaan untuk mengawal perbelanjaan boleh mempengaruhi cara pelajar mengurus kewangan mereka (Chanda et al., 2023; Jusoh & Mat, 2024; Sahar et al., 2021).

Teori Pembelajaran Sosial (Social Learning Theory) pula merujuk kepada tingkah laku kewangan melalui pemerhatian dan pengalaman daripada ibu bapa, rakan sebaya serta persekitaran mereka. Jika pelajar terdedah kepada tabiat kewangan yang baik, mereka lebih cenderung untuk mengamalkannya (Chuang, 2021 dan Firmansyah & Saepuloh, 2022).

Teori Modal Insan (Human Capital Theory) merujuk kepada pembangunan individu yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan sebagai satu pelaburan yang memberi pulangan kepada ekonomi sesebuah masyarakat atau organisasi (Tuan Mahmood et al., 2020) Literasi kewangan dilihat sebagai satu bentuk pelaburan dalam diri yang dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk merancang kewangan mereka dengan lebih berkesan dan mengelakkan kesulitan kewangan di masa hadapan.

Literasi Kewangan Dan Konsep Pembangunan Manusia (Human Development)

Pembangunan manusia merujuk kepada peningkatan kualiti hidup individu dalam aspek ekonomi, sosial dan psikologi. Menurut United Nations Development Programme (UNDP), pembangunan manusia bukan sekadar mengenai pendapatan tetapi juga mengenai peluang untuk mencapai potensi penuh seseorang (Baumann, 2021). Justeru itu, dalam konteks pelajar IPT, literasi kewangan memainkan peranan penting dalam meningkatkan pembangunan pelajar melalui kestabilan kewangan pelajar. Pelajar yang celik kewangan lebih mampu mengurus pendapatan mereka dan mengelakkan kesukaran kewangan. Tahap literasi kewangan yang baik juga dapat mengurangkan ketidaksamaan ekonomi. Pendidikan kewangan dapat membantu pelajar dari latar belakang berpendapatan rendah merancang kewangan dengan lebih baik dan meningkatkan mobiliti sosial mereka. Seterusnya memastikan kesejahteraan masa depan dengan kemampuan membina asas kewangan yang kukuh. Manfaatnya dalam masa yang sama mengurangkan tekanan kewangan dan meningkatkan kesejahteraan psikologi, meningkatkan kemahiran pengurusan risiko melalui perancangan kewangan yang bijak dan memastikan kelangsungan akademik dan perkembangan profesional tanpa gangguan kewangan untuk kehidupan yang lebih selesa selepas tamat pengajian.

Cabaran Dalam Mengukuhkan Literasi Kewangan Pelajar IPT

Kajian kajian Baba, Nor dan Hassan (2022) menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) adalah tinggi. Tambahan lagi hasil kajian Rafdi, Bakar, Sabri dan Roshadi (2023) pula menunjukka bahawa amalan pengurusan kewangan juga amat baik. Ramai pelajar mempunyai pemahaman yang baik tentang kepentingan bajet, simpanan, dan pengurusan hutang serta mengamalkan strategi kewangan yang berdisiplin. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang boleh memberi kesan kepada kestabilan kewangan mereka dalam jangka panjang, terutamanya apabila mereka beralih dari kehidupan sebagai pelajar kepada alam pekerjaan dan kehidupan dewasa yang lebih mencabar.

Cabaran yang pertama adalah peralihan daripada sokongan kewangan kepada kewangan berdikari. Bagi kebanyakan pelajar, sumber kewangan utama semasa pengajian datang daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), bantuan pendidikan negeri, zakat, biasiswa atau sokongan keluarga (Mohd et al., 2024). Selepas tamat pengajian, mereka perlu beralih kepada sumber pendapatan sendiri, sama ada melalui pekerjaan tetap, perniagaan, atau sumber lain. Peralihan ini boleh menjadi cabaran kerana kos hidup yang lebih tinggi, pembayaran balik pinjaman pendidikan, dan keperluan kewangan lain seperti sewa rumah, kenderaan, dan insurans. Walaupun mereka mempunyai asas pengurusan kewangan yang baik, cabaran sebenar adalah menyesuaikan diri dengan realiti kewangan yang lebih kompleks selepas menamatkan pengajian.

Cabaran yang kedua pula ialah kenaikan kos sara hidup dan tekanan kewangan jangka panjang. Walaupun pelajar IPT mampu mengurus kewangan mereka dengan baik semasa belajar, cabaran sebenar muncul apabila mereka perlu menyesuaikan bajet dengan kenaikan kos hidup. Inflasi, kenaikan harga barang keperluan, dan komitmen kewangan baharu selepas tamat pengajian boleh menyebabkan tekanan kewangan. Mereka yang terbiasa dengan tabiat menabung mungkin mendapati lebih sukar untuk mengekalkan kadar simpanan yang sama apabila beban kewangan meningkat.

Ketiga, keperluan untuk perancangan kewangan jangka panjang. Sebagai pelajar, kebanyakan perancangan kewangan lebih tertumpu kepada pengurusan harian atau jangka pendek. Namun, apabila memasuki alam pekerjaan, keperluan untuk merancang kewangan jangka panjang menjadi lebih penting, termasuk aspek seperti pelaburan, perlindungan kewangan melalui insurans atau takaful, dan perancangan persaraan. Tanpa strategi kewangan jangka panjang yang kukuh, ada kemungkinan individu menghadapi kesukaran dalam mencapai kestabilan kewangan yang berterusan walaupun mereka memiliki asas pengurusan kewangan yang baik sejak di IPT.

Keempat adalah cabaran psikologi dan sosial dalam pengurusan kewangan. Walaupun pelajar IPT mempunyai tahap pengurusan kewangan yang baik, faktor psikologi dan sosial tetap boleh mempengaruhi keputusan kewangan mereka dalam jangka panjang. Tekanan sosial untuk memiliki gaya hidup tertentu, keinginan untuk meningkatkan taraf hidup dengan cepat, serta pengaruh media sosial boleh memberi kesan kepada corak perbelanjaan. Walaupun mereka tahu kepentingan perancangan kewangan, tekanan dari segi perbandingan sosial (social comparison) boleh menyebabkan mereka mengambil keputusan kewangan yang kurang bijak seperti membuat pembelian besar secara kredit atau berbelanja di luar kemampuan demi menyesuaikan diri dengan norma sosial tertentu (Wahab, Hashim, Hashim & Maat, 2022).

Jadual 1 menunjukkan penemuan utama daripada kajian lepas berkaitan isu literasi dan daya tahan kewangan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Jadual 1:
Penemuan Kajian Lepas Berkaitan Literasi dan Daya Tahan Kewangan Pelajar IPT

Kajian / Pengkaji	Penemuan Utama
Zaimah et al. (2021)	Pelajar sukar membezakan keperluan dan kehendak; kurang mahir bajet dan urus hutang.
Mohamad (2024)	Kebanyakan pelajar tidak mempunyai simpanan kecemasan yang mencukupi.
Salleh et al. (2022)	Media sosial mempengaruhi pelajar meniru gaya hidup mewah hingga menyebabkan belanja berlebihan.
Rahim & Kamaruddin (2023)	Tiada pendidikan kewangan formal dalam kurikulum IPT, menyebabkan pendedahan kewangan tidak menyeluruh.
Baba et al. (2022); Rafdi et al. (2023)	Walaupun tahap literasi kewangan tinggi, pelajar masih terdedah kepada risiko kestabilan jangka panjang.

Hasil Dapatan

Jadual 2 merumuskan dapatan utama berdasarkan perbincangan dan huraian artikel-artikel lepas.

Jadual 2
Ringkasan Hasil Dapatan

Isu / Tema Utama	Penjelasan Dapatan dalam Artikel
Ketidakstabilan kewangan pelajar IPT	Akibat kos sara hidup, peralihan ke dunia digital, dan keperluan teknologi selepas COVID-19.
Keperluan literasi kewangan menyeluruh	Literasi meliputi pengurusan pendapatan, simpanan, pengurusan hutang, pelaburan dan insurans.
Teori berkaitan tingkah laku kewangan	Dibincangkan melalui TPB, Social Learning Theory dan Human Capital Theory.
Peralihan dari pelajar ke alam pekerjaan	Cabaran utama yang jejakkan daya tahan kewangan pelajar selepas graduasi.
Cadangan modul pendidikan kewangan	Keperluan untuk modul yang mampan dalam kurikulum sebagai strategi jangka panjang.

Artikel ini mengenal pasti lima isu utama berkaitan kewangan pelajar IPT. Pertama, pelajar menghadapi ketidakstabilan kewangan akibat peningkatan kos sara hidup, keperluan teknologi dan kesan peralihan digital pasca-COVID-19. Kedua, terdapat keperluan mendesak untuk literasi kewangan yang menyeluruh, meliputi aspek pengurusan pendapatan, simpanan, hutang, pelaburan dan insurans.

Ketiga, artikel membincangkan tingkah laku kewangan pelajar melalui beberapa teori seperti Theory of Planned Behavior (TPB), Social Learning Theory dan Human Capital Theory. Teori-teori ini membantu memahami bagaimana sikap, pembelajaran sosial dan pelaburan dalam ilmu kewangan mempengaruhi keputusan kewangan pelajar.

Keempat, pelajar menghadapi cabaran dalam peralihan ke alam pekerjaan, yang menjejaskan daya tahan kewangan mereka selepas tamat pengajian. Akhir sekali, artikel mencadangkan pembangunan modul pendidikan kewangan dalam kurikulum sebagai strategi jangka panjang untuk membantu pelajar mengurus kewangan secara berkesan dan berdaya tahan.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan mengenai literasi kewangan dan konsep pembangunan manusia dalam kalangan pelajar IPT di atas, maka jelas menunjukkan bahawa literasi kewangan bukan sekadar soal pemahaman tentang pengurusan wang, tetapi juga berkait rapat dengan aspek pembangunan individu dalam jangka panjang. Walaupun tahap literasi dan amalan kewangan pelajar IPT dilaporkan tinggi, cabaran tetap wujud dalam memastikan kestabilan kewangan mereka berterusan selepas tamat pengajian. Peralihan dan perubahan daripada kehidupan sebagai pelajar kepada alam pekerjaan, alam berumahtangga, peningkatan kos hidup, serta

pengaruh sosial dan psikologi merupakan faktor yang boleh mempengaruhi daya tahan kewangan seseorang.

Berdasarkan perbincangan ini juga, terbukti bahawa penyelidikan lanjutan amat diperlukan untuk memahami bagaimana pelajar dapat menyesuaikan strategi kewangan mereka dalam menghadapi cabaran ekonomi yang semakin kompleks. Kajian lanjut samada secara kualitatif atau kuantitatif boleh meneliti faktor yang menyumbang kepada kejayaan kewangan jangka panjang pelajar IPT serta meneroka pendekatan terbaik dalam meningkatkan daya tahan kewangan mereka. Selain itu, perbincangan ini boleh dijadikan asas bagi penyelidikan masa hadapan dalam membangunkan intervensi yang lebih berkesan, seperti modul pendidikan kewangan yang lebih komprehensif atau program sokongan kewangan berasaskan realiti kehidupan selepas graduasi.

Oleh itu, kajian ini bukan sahaja penting dalam memahami keadaan semasa, tetapi juga sebagai rujukan untuk membentuk dasar dan inisiatif yang dapat memastikan pelajar IPT bukan sahaja celik kewangan, tetapi juga mampu mengekalkan kesejahteraan kewangan mereka dalam jangka panjang.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian hasil dapatan daripada penyelidikan yang bertajuk “Kajian Faktor Tekanan Kewangan Dalam Kalangan Pelajar IPT Di Malaysia (2024).” di bawah geran penyelidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Rujukan

- Abdollah, A., Rais, N. A. M., Nordin, N. H., & Jaafar, I. S. (2021). Pengurusan Kewangan Mahasiswa Fakulti Keilmuan Islam Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) Menerusi Maqasid Syariah. *Jurnal Maw'izah*, 4(1), 81-93.
- Abdull Rahman, N. L., Ahmad, Z., Muhamad Yusuf, Noor H., Abdul Pisal, N., Mhd Nasir, N. F., & Mohd Nor, K. N. (2023). Pengurusan Kewangan Di Kalangan Pengusaha Kecil Dan Sederhana (PKS) Negeri Perlis : Kajian Konseptual. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 8(46). <https://doi.org/DOI:10.55573/IJAFB.084619>
- Abdullah, M. A., & Hussin, M. F. (2020). Literasi Kewangan Islam. *Journal of Business Innovation*, 5(1), 43–55.
- Ab Rashid, M. E., Arifin, I., & Sabir Ahmad, B. A. (2023). Kewangan dan pelaburan model: empat (4) peringkat kekayaan. *ASPIRASI FPP*.
- Ayob, N. A., Daud, S., & Ismail, M. T. (2016). Faktor pembentukan modal insan dan daya saing usahawan wanita Malaysia: kajian empirikal wanita bumiputera di Melaka. *Geografia: Malaysian Journal of Society & Space*, 12(5), 115–129.
- Azmi, N. A. M., Hasan, S. A., Duerama, H., Othman, S. H., & Aripin, Z. (2021). Pengurusan Hutang Menurut Islam: Pengamalan Dalam Kalangan Pensyarah Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal'ulwan*, 6(3), 207-219.
- Baba, R., Nor, N. Z. M., & Hassan, J. (2022). Tahap Literasi Kewangan, Masalah Kewangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal'Ulwan*, 7(2), 173-190.
- Basri, N. A. A., Rashid, S. M. R. A., Nor, N. N. F. M., & Rahman, A. A. (2024). Bilangan Tanggungan Dan Kualiti Hidup Kumpulan B40 Di Ppr Kerinchi, Kuala Lumpur: Number Of Dependents And Quality Of Life Of B40 Group In Ppr Kerinchi, Kuala Lumpur. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(4), 181-197.

- Baumann, F. (2021). The next frontier—human development and the anthropocene: UNDP human development report 2020. *Environment: Science and Policy for Sustainable Development*, 63(3), 34-40.
- Chanda, R. C., Vafaei-Zadeh, A., Hanifah, H., & Ramayah, T. (2023). Investigating factors influencing individual user's intention to adopt cloud computing: a hybrid approach using PLS-SEM and fsQCA. *Kybernetes*, July. <https://doi.org/10.1108/K-01-2023-0133>
- Chuang, S. (2021). The applications of constructivist learning theory and social learning theory on adult continuous development. *Performance Improvement*, 60(3), 6-14.
- Finde, M. H. A. M. N., & Ali, F. A. H. (2024). Expense Tracker: Aplikasi Pengurusan Kewangan. *Applied Information Technology And Computer Science*, 5(1), 585-596.
- Firmansyah, D., & Saepuloh, D. (2022). Social learning theory: Cognitive and behavioral approaches. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Holistik (JIPH)*, 1(3), 297-324.
- Jusoh, R., & Mat, H. (2024). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Niat Berwakaf Tunai Melalui Skim Potongan Gaji di Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, 14(1), 67–87. <https://doi.org/10.53840/jmm.v14i1.190>
- Mangrum, D. (2022). Personal finance education mandates and student loan repayment. *Journal of Financial Economics*, 146(1), 1-26.
- Mohamad, A. R. (2024). *Cabaran kewangan dalam kalangan pelajar universiti: Perspektif semasa*. Dewan Ekonomi. <https://dewanekonomi.jendeladb.my/2024/09/01/8718/>
- Mohd, N., Abd, S., Idris, N. R., & Zakaria, Z. (2024). Indeks Kos Sara Hidup Pelajar Kolej Komuniti Kuantan selepas Era Pandemik Covid-19 1. *Technical and Vocational Education International Journal*, 4(01), 152–159.
- Mukshar, A. N. N., Puad, N. A. M., & Ahmad, K. A. (2023). Model Takaful Di Malaysia: Isu dan Cabaran. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 6(1), 74-91.
- Muhamad, R. B., & Tambi, N. (2023). Corak perbelanjaan dan pemilikan aset dalam kalangan penjawat awam. *Geografia*, 19(1), 119-132.
- Pomeranz, D., & Kast, F. (2024). Savings Accounts to Borrow Less. *Journal of Human Resources*, 59(1), 70–108. <https://doi.org/10.3368/jhr.0619-10264R3>
- Rafdi, N. J., Bakar, N. S., Sabri, S. A., & Roshadi, A. F. A. Tahap Amalan Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Mahasiswa . Proceeding of the 10th International Conference on Management and Muamalah 2023 (ICoMM 2023) e-ISSN: 2756-8938 97.
- Rahim, N., & Kamaruddin, R. (2023). *Tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa: Keperluan pendidikan kewangan formal*. Gading Su Uitm. <https://gadingssuutm.com/index.php/gadingss/article/view/441>
- Rahman, R. A., & Othman, Y. H. (2021). Cabaran Covid 19: Literasi Kewangan Peribadi Sebagai Penentu Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Usahawan Asnaf Negeri kedah. In *International Journal of Muamalat* (Vol. 5, Issue 1).
- Sahar, H. R., Mahbob, M. H., & Wan Mahmud, W. A. (2021). Pengaruh Faktor Penentu Tingkah Laku Penerimaan E-Dagang Dalam Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana. *E-BANGI*, 18(5), 195–211.
- Salleh, S. M., Rahman, F. N. A., & Ismail, M. H. (2022). *Media sosial dan gaya hidup mewah dalam kalangan mahasiswa*. Human Sustainability Procedia, 1(1), 12–18. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/7258>

- Sudiarti, S., & Syahriza, R. (2023). Analisis Implementasi Maqashid Syariah Dalam Mekanisme Asuransi Syariah (Studi Kasus PT. Asuransi Takaful Keluarga Cabang Setia Budi Medan). *Jurnal Dinamika Ekonomi Syariah*, 10(1), 107-119.
- Tuan Mahmood, T. M. A., Mohd Din, N., Al Mamun, A., & Ibrahim, M. D. (2020). a Proposed Conceptual Framework of Asnaf Empowerment Program: Developing a Millennial Asnaf Outcome Model (Maom) Cadangan Kerangka Kerja Konseptual Program Memperkasakan Ekonomi Asnaf: Pembangunan “Model Kemenjadian Milenia Asnaf (Mkma).” *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 1(1), 74–93.
- Wahab, M. A. A., Hashim, N. H., Hashim, N. H., & Maat, S. M. (2022). Keberkesanan Sistem Akaun Digital bagi Topik Laporan Kewangan dalam kalangan Pelajar Kolej Komuniti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), e001957-e001957.
- Wai, K. T., Teng, P. K., Waei, O. M., & Leong, L. K. (2023). Aplikasi tingkah laku kewangan: Kajian kes pengeluaran pra-persaraan skim pencen sewaktu pandemik crisis COVID-19. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 19(2), 181-199.
- Yakob, S., Fahrizal, A., & Muhammad, A. (2021). Hubungan Antara Literasi Kewangan Dan Prestasi Perusahaan Kecil Dan Sederhana : Dimensi Pengurusan Kewangan Dan Literasi. *International Journal of Muamalat*, 5(1), 55–75. https://ijm.unishams.edu.my/images/pdf_file/vol_5_dec2021/IJM_2021_eISSN_5.pdf
- Yusoff, M. S., Othman, I. W., Shah, M. K. M., Esa, M. S., Zulhazmi, N. A., Ibrahim, M. A., & Ationg, R. (2021). Moratorium dan Pengurusan Kewangan Norma Baharu dalam Menginspirasi dan Mendidik Kepimpinan Komuniti Pendidikan Tinggi. *Journal of Islam, Social, economies*.
- Zaimah, R., Abdul Hadi, M. Y., & Che Mohd Nasir, C. M. (2021). *Literasi kewangan dan kesannya terhadap gelagat perbelanjaan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia*. *Personalia Pelajar*, 24(2), 45–56. <https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/174>
- Zaimah, R., Yusof, N. M., & Sarmila, M. S. (2023). Hubungan Pengetahuan dan Tingkah Laku Kewangan dengan Perancangan Kewangan Persaraan dalam Kalangan Generasi Milenial. *Akademika*, 93(1), 373-387.
- Zainal, N., Ramli, Z. F., Abd Karim, H., Amirnordin, N. A., Md Akhir, N., & Tengku Sulaiman, T. S. R. M. (2021). Kewangan dan pelaburan: bijak urus kewangan semasa pandemik Covid-19. *ASPIRASI FPP*, 1, 29-31.